

## PENYERTAAN PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS) DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-14 (PRU-14) DI SABAH: PENELITIAN KE ATAS POLA PENGUNDIAN, PENDEKATAN BERKEMPEM DAN PERSEPSI MASYARAKAT

### *THE MALAYSIAN ISLAMIC PARTY (PAS) IN 14TH GENERAL ELECTIONS (GE-14) IN SABAH: A STUDY ON VOTING PATTERN, CAMPAIGN APPROACHES AND SOCIETY'S PERCEPTION*

MOHAMAD SHAUKHI MOHD RADZ<sup>1</sup>

SYAHRUDDIN AWANG AHMAD<sup>2</sup>

NORDIN SAKKE<sup>3</sup>

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah,

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

*shauki@ums.edu.my; syahag@ums.edu.my; dinums@ums.edu.my*

**ABSTRAK** Kajian menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta dan analisis data sekunder ke atas pendekatan kempen dan pola pengundian akar umbi terhadap Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang lalu menyaksikan persaingan sengit antara PAS Sabah dengan parti-parti politik lain di negeri ini. Tahap sokongan yang sederhana dan kemampuan untuk menarik sokongan pengundi yang agak terbatas kepada masyarakat Islam dan segelintir penyokong bukan beragama Islam di negeri ini membuktikan wujudnya laluan berliku yang telah diharungi PAS Sabah dalam merealisasikan ‘anak sulung’ untuk PRU kali ini. Corak sokongan yang tidak menyeluruh secara relatif juga menunjukkan bahawa masyarakat Islam khasnya dan bukan Islam amnya di negeri ini perlu dibimbing dan diperbetulkan persepsi mereka terhadap kemampuan sebenar agama Islam sebagai landasan kehidupan yang hakiki. Kejelasan aspirasi ‘gagasan sejahtera’ sebagai manifesto PAS adalah baik untuk semua rakyat berbilang kaum dan agama tetapi selagi mandat untuk memerintah negeri ini masih belum diperoleh oleh Parti yang sudah lama bertapak di negara ini, maka selagi itulah kebaikan yang dibawa oleh Islam melalui PAS tidak dapat direalisasikan. Justeru, pendekatan kempen yang berteraskan harakah Islamiah serta ‘muwajahah silmiyyah’ amat penting untuk dipertingkatkan kaedah dan salurannya demi menghebahkan mesej berkenaan dengan nilai-nilai Islam untuk semua rakyat di negeri ini. Usaha ini perlu diperkemas khusus untuk PAS Sabah mananamkan keyakinan masyarakat berbilang kaum di negeri ini agar seiring dengan perjuangannya. Kelebihan yang ada pada PAS adalah pengalaman yang luas dalam mengendalikan pendekatan Ceramah Kelompok dan sudah tentu aplikasi Facebook melalui kempen maya. Aspek ini jika

diberikan perhatian dengan memasukkan idea-idea pembangunan ekonomi dan sosial di Sabah seharusnya berupaya memperkuatkan strategi dan taktik kemenangan parti ini untuk berjaya meraih undi lebih besar dalam PRU-15 yang akan datang.

**Kata kunci:** Pola pengundian, Harakah Islamiah, persepsi, ceramah kelompok, kemenangan maya.

**ABSTRACT** *The study uses participatory observation and secondary data analysis on campaign approaches and the pattern of voting back to the Islamic Party of Malaysia (PAS) in the past 14th General Election (GE), witnessing the fierce competition between Sabah PAS and other political parties in the state this is. A moderate level of support and the ability to attract Sabah people to cast a significant vote for PAS is a winding-up of PAS Sabah in realizing the ‘eldest child’ for the GE. A relatively incomplete support pattern also shows that Muslim and non-Muslim communities in Sabah seems to be well guided and rectified their perceptions of the true ability of Islam as the essential foundation of life. The clarity of the aspirations of ‘prosperous ideas’ as a manifesto of PAS is good for all multiracial and religion in the Sabah, but not until PAS Sabah get its mandate to govern this state even PAS itself is known for its long-standing Party in this country. Only then the goodness brought by Islam through PAS can be realized. Thus, the approach of the Islamic-based campaign and the ‘muwajahah silmiyyah’ is crucial for enhancing its methods and channels in order to preach the message regarding Islamic values for all the people in the state. It needs to be streamlined specifically for PAS Sabah to inculcate confidence in multiracial society in the state in line with its struggle. The advantages of PAS are the vast experience in controlling ways of campaigning like Group Lecture approach and of course the Facebook app through the Virtual Campaign. This aspect of being emphasized by incorporating economic and social development ideas in Sabah should be able to reinforce the party’s campaign strategy and tactics to succeed in gaining greater votes in the coming 15<sup>th</sup> General Election.*

**Keywords:** Voting pattern, Islamic movement, perception, lectures group, virtual campaign.

## PENGENALAN

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) merupakan *harakah Islamiyah* (gerakan Islam) yang bermatlamat untuk menegakkan hukum-hukum Allah. Perkara ini termaktub dalam perlembagaan PAS yang disebut pada Fasal 5 (1) yang bertujuan memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah (PAS, 2012). Untuk melaksanakan tujuan ini, PAS telah berijtihad untuk menyertai demokrasi berparlimen di Malaysia melalui jalan pilihan raya. Hal ini demikian kerana sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan telah memberi sedikit perlindungan kepada PAS untuk mencapai cita-citanya (Abu Bakar, 2010). Perjuangan dalam pilihan raya umum (PRU) bermaksud merebut kekuasaan politik agar tertegaknya sebuah negara Islam kerana membentuk sebuah negara Islam merupakan tuntutan yang wajib (Isa, 1989). Sebagai sebuah gerakan Islam. PAS perlu mendapatkan kuasa bagi memastikan tuntutan Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna. Hal ini bersesuaian dengan usul fiqh yang menyebut “Jika tiada terlaksana sesuatu yang wajib itu sehingga ada perkara yang membawa ia terlaksana, maka tidak dapat tidak perkara tersebut juga menjadi wajib.”

Berpandukan kaedah usul fiqh ini, PAS menyertai pilihan raya untuk mendapatkan kuasa politik di Malaysia. Maka tidak dapat tidak, PAS sebagai gerakan Islam wajib melibatkan diri dalam pilihan raya. Lantaran itu, PAS yang merupakan badan dakwah terpaksa mendaftarkan diri sebagai parti politik. Penglibatan dalam pilihan raya tidak bermakna PAS beriman dengan sistem demokrasi negara tetapi PAS mengambil manfaat daripada peluang yang diberikan (melalui sistem demokrasi pilihan raya) untuk menyatakan risalah Islam bagi menegakkan perundangan Islam dan memerintah negara dengan cara Islam sebagai mana yang dituntut oleh Islam (Hassan, 2002). Dalam persada politik Malaysia, PAS merupakan salah satu parti politik yang terlibat secara langsung dalam proses demokrasi melalui pilihan raya sejak tahun 1955 hingga kini. Penglibatan ini telah menjadikan PAS bukan hanya sekadar gerakan Islam yang terhad untuk menyampaikan dakwah Islam yang bersifat spiritual secara khusus semata-mata, namun bertindak sebagai sebuah parti politik sejajar dengan matlamatnya untuk menjadikan

Islam sebagai agama yang syumul dalam pelbagai aspek. Dalam konteks yang lebih luas selaku parti politik yang berpaksikan matlamat perjuangan Islam, sejak awal penubuhannya lagi pada 24 November 1951, PAS mempunyai akar umbi yang kuat dalam kalangan masyarakat Melayu Islam khususnya di Semenanjung Malaysia. Semenjak proses pilihan raya pertama dilaksanakan sebelum merdeka pada tahun 1955, PAS telah mengalami turun naik dalam peratusan pola pengundian pada setiap proses pilihan raya yang dijalankan, sama ada yang melibatkan pilihan raya umum (PRU) di peringkat persekutuan maupun di peringkat pilihan raya negeri (PRN). Kekuatan akar umbi PAS terbukti apabila beberapa negeri di Semenanjung Malaysia seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah pernah dan sedang diperintah oleh parti tersebut.

Dalam konteks negeri Sabah, PAS yang berpusat di Semenanjung Malaysia telah berjaya melebarkan pengaruhnya ke negeri ini pada tahun 1986. PAS menyedari bahawa tanpa penyertaan Sabah (dan Sarawak), hasrat PAS untuk menguasai politik tanah air menjadi amat sukar. Namun demikian, selain dari hasrat politik, PAS harus berpegang teguh kepada prinsip asas penubuhannya yang juga menjadi salah satu asas perlembagaan parti tersebut iaitu “menyeru manusia kepada syariat Allah dan Sunnah rasulnya menerusi dakwah dalam bentuk perkataan, tulisan dan amalan.” Dalam erti kata yang lain, penyebaran sayap PAS ke Sabah bukan semata-mata untuk memenuhi hasrat penguasaan siasah (politik) semata-mata, namun juga dari sudut dakwah dan tarbiah (pendidikan) Islamiah kepada masyarakat Sabah itu sendiri. PAS berusaha menjadi parti politik dan gerakan Islam yang mempromosikan Islam sebagai “*the way of life*” yang mampu menjadi penyelesaian kepada semua persoalan kehidupan.

Pada PRU-14 yang diadakan pada 9 Mei 2018, PAS sekali lagi telah bertanding dalam merebut kerusi Parlimen dan DUN di negeri Sabah. Dengan menawarkan manifesto “Gagasan Sejahtera” dalam pelbagai aspek sama ada politik, sosial dan ekonomi, PAS telah menawarkan kerusi yang terbanyak pernah ditandingi dalam sejarah penyertaannya dalam pilihan raya di Sabah maupun di Semenanjung Malaysia. PAS telah bertanding dalam 18 kerusi DUN negeri Sabah dan lapan kerusi Parlimen. Namun, dalam keghairahan rakyat Malaysia untuk menukar kerajaan yang diterajui Barisan Nasional (BN) sejak 61 tahun yang lepas, keputusan kesemua kerusi yang ditandingi oleh

PAS di Sabah telah mengalami kekalahan yang teruk. Kesemua kerusi yang ditandingi mengalami penurunan peratus pengundian sehingga keseluruhan kerusi tersebut telah hilang wang pertaruhan. Artikel ini secara khususnya akan membincangkan isu-isu yang berkaitan penyertaan PAS dalam PRU-14 di Sabah dalam pelbagai tujuan, sama ada yang bersabit dengan kempen, pola pengundian dan cabaran yang dihadapi oleh PAS.

### **Sejarah Penubuhan PAS di Negeri Sabah**

Penubuhan PAS Sabah atau Badan Perhubungan PAS Negeri Sabah telah dapat direalisasikan pada 19 Mei 1986. Pengumuman berkaitan dengan penubuhan PAS Sabah ini telah disempurnakan oleh Yang DiPertua PAS Malaysia ketika itu iaitu Tuan Haji Yusof Rawa di Dewan Mesyuarat Kinabalu International Hotel (kini dikenali sebagai Hyatt Hotel). Cadangan untuk menubuhkan PAS Sabah telah lama disuarakan oleh perwakilan PAS di dalam muktamar PAS pusat (Perhimpunan Agung). Hanya pada tahun 1986, usaha tersebut dapat direalisasikan apabila Saudara Hamzah Haji Abdullah (selaku Pesuruhjaya PAS Sabah yang pertama) bersama Naib Yang DiPertua PAS Pusat iaitu Ustaz Nakhaie Haji Ahmad melaksanakan usaha yang lebih jitu bagi penubuhan tersebut.

Dalam mesyuarat penubuhan dan pelancaran Badan Perhubungan PAS negeri Sabah pada 19 Mei 1986 tersebut, Saudara Hamzah telah dipilih oleh ahli-ahli PAS negeri Sabah sebagai Pesuruhjaya PAS negeri Sabah yang pertama. Timbalan Pesuruhjaya 1 disandang oleh Ishak Shafie, Timbalan Pesuruhjaya 2 ialah Habib Abdul Rahman Habib Alawi, Timbalan Pesuruhjaya 3 ialah Haji Ismail Haji Wahab. Jawatan setiausaha pula disandang oleh Cikgu Alias Tijad, manakala AJK perhubungan terdiri dari Amir Kamsa, Zaaba Ismail, Hashim Abbas, Jain Bidin dan Jamaluddin Ismail. Jawatan ketua pemuda dan ketua Muslimat pula disandang oleh Ustaz Wan Azhar Wan Ahmad dan Tahnia Jeman. Mesyuarat yang dihadiri oleh ahli-ahli PAS negeri Sabah yang datang dari seluruh pelosok negeri Sabah ini berlangsung dengan baik dan harmoni demi merealisasikan kelahiran PAS negeri Sabah. Sebagai peristiwa yang amat dinanti-nantikan, ramai dalam kalangan para pemberita dan wartawan hadir dalam memberikan liputan yang meluas kepada masyarakat Sabah. Pada 11 November 1986 mesyuarat

pertama AJK penaja badan perhubungan PAS Sabah telah diadakan di Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu, manakala Dewan Pemuda PAS Negeri Sabah pula telah ditubuhkan pada 13 November 1988 dengan nombor sijil pendaftaran PPM/SB-26/52-3319/(2) (Badan Perhubungan PAS Negeri Sabah, 30 Oktober 2018).

Penyebaran pengaruh PAS ke negeri Sabah pada tahun 1986 mempunyai pengaruh yang kuat daripada keadaan dalam parti yang berlandaskan Islam tersebut. Pada dekad 1980-an, kepimpinan ulama telah menguasai parti tersebut, sekali gus telah mencorakkan pendekatan yang lebih aktif ke arah pembinaan *harakah Islamiah* (Gerakan Islam) yang berpaksikan siasah, dakwah dan tarbiah. Kepimpinan ulama yang mengambil pendekatan lebih aktif ini adalah terhasil daripada kemasukan pimpinan-pimpinan utama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) ke dalam parti tersebut. Mereka telah terpengaruh dengan fikrah dan pendekatan gerakan Islam Ikhwan al-Muslimin yang berpusat di Mesir (Badlihisham & Othman, 2003: 18). Pendekatan ini telah disesuaikan dengan konteks politik dan budaya Malaysia secara umumnya dan negeri Sabah secara khusus.

Selain berperanan sebagai parti politik yang bertujuan menguasai kepimpinan sesebuah kerajaan, peranan PAS dalam konteks dakwah Islam di negeri Sabah amat diperlukan oleh masyarakatnya. Dakwah dalam kalangan masyarakat Islam di negeri Sabah seakan kelihatan jumud sejak penguasaan politik parti *United Sabah National Organisation* (USNO) pimpinan Tun Datu Mustapha berakhir pada tahun 1976. Kepimpinan Parti Berjaya pimpinan Datuk Haris Salleh lebih cenderung menumpukan kepada agenda pembangunan ekonomi negeri Sabah. Cabaran terhadap dakwah Islam ini menjadi lebih menonjol lagi pada tahun 1985 hingga 1995 apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) memegang tumpuk pemerintahan negeri Sabah. Parti tersebut disifatkan sebagai parti yang berorientasikan etnik Kadazan-Dusun-Murut (KDM) secara langsung menimbulkan kegelisahan kebanyakan masyarakat Islam di Sabah. Keadaan dan suasana ini telah mewujudkan *vacuum* politik yang berteraskan serta cenderung terhadap aktiviti dakwah Islam di Sabah. Oleh hal yang demikian, PAS pusat telah memutuskan perlunya PAS negeri Sabah ditubuhkan sebagai mendepani perjuangan masyarakat Islam dari aspek politik, sosial dan ekonomi.

## **PAS DAN PENGLIBATAN DALAM PRU DAN PRN**

Sebagai parti politik yang mewarnai politik Malaysia sejak era sebelum merdeka, PAS menjadikan pilihan raya sebagai platform untuk menguasai politik negara dan dalam masa yang sama sebagai alat untuk penyampaian dakwah Islamiah yang bertujuan mempromosikan Islam sebagai agama yang lengkap dan sempurna. Pilihan raya dianggap sebagai suatu manifestasi konsep *muwajahah silmiyyah* (pendekatan aman dan sejahtera) berpaksikan hikmah dan dakwah yang mementingkan keamanan masyarakat sejagat. Oleh hal yang demikian, PAS menolak sebarang bentuk pendekatan revolusi dan tindakan yang bercanggah dengan undang-undang negara (Badlihisham, 2000). Justeru, PAS sejak PRU pada tahun 1955 hingga PRU14 telah terlibat dalam bertanding dalam proses demokrasi yang dilaksanakan.

Penglibatan PAS dalam PRU di Sabah agak lewat jika dibandingkan dengan wilayah Semenanjung Malaysia sudah melibatkan diri seawal 1955. PAS Sabah secara rasminya terlibat dalam arena demokrasi berparlimen pada PRU-7 yang diadakan pada tahun Ogos 1986. Penglibatan PAS dalam pilihan raya ini ada kaitan dengan semangat berkobar ahlinya rentetan penubuhan PAS Sabah empat bulan sebelum PRU iaitu pada 19 Mei 1986. Penyertaan ini merupakan penglibatan pertama PAS negeri Sabah dalam proses demokrasi pilihan raya dan menjadi ‘ujian’ permulaan dalam memasarkan PAS kepada masyarakat Sabah.

Dalam pilihan raya umum tersebut, PAS telah menyasarkan dua kerusi di pantai barat Sabah dan satu di bahagian pantai timur dalam usaha untuk menghantar wakil rakyat sulung PAS Sabah ke Parlimen. Antara Parlimen yang disasarkan ialah P.136 Kota Belud, P.139 Jambongan (nama lama Parlimen Beluran) dan P.147 Kimanis. PAS telah mengalami kekalahan untuk ketiga-tiga kerusi Parlimen tersebut (IKSAS, 2018). Namun berdasarkan kepada jumlah pengundi yang mengundi PAS pada ketika itu, PAS mempunyai penyokongnya yang tersendiri sehingga mampu memperoleh jumlah undi yang memberangsangkan walaupun baharu ditubuhkan hanya selama empat bulan. Pada percubaan pertama ini, walaupun kalah tetapi PAS tidak kehilangan wang deposit (Rujuk Jadual 1). Sokongan adalah melebihi 11.5 peratus kerana ketiga-ketiga kerusi tersebut mempunyai peratusan pengundi majoriti bumiputera Islam.

### Jadual 1 Penyertaan pertama PAS Sabah dalam PRU-7 (1986)

CALON	PARTI	P1.36 KOTA BELUD		P.139 JAMBONGAN		P.147 KIMANIS	
		JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
MAIDOM PANSAI	BN	8,155	49.8				
METAH BIN ASANG	BN			7,495	73.1		
NURNIKMAN BIN ABDULLAH	BN					5,603	61.6
YAPIN GIMPOTON	BERJAYA	4,384	26.8				
SEBASTIAN DIRIH ANJIM	BERJAYA					1,535	16.9
ASMARA BIN HAJI MOHD BILIN	BEBAS	223	1.4				
JAMLIDI BIN OLEH	PAS	3,629	22.1				
HAMZAH HAJI ABDULLAH	PAS			2,757	26.9		
PG ALI UDDIN	PAS					1,960	21.5
MAJORITI		3,771	22.7	4,738	45.4	3,643	39.5
BILANGAN PENGUNDI YANG HADIR		16,586		10,426		9,218	
PERATUSAN PENGUNDIAN (%)		65.4		48.6		59.4	

Sumber Diubah suai daripada IKSAS (2018)

Penyertaan PAS secara umumnya hanya melibatkan kawasan pilihan raya yang mempunyai jumlah pengundi majoriti Islam. Hal ini selaras dengan *nature* parti tersebut sebagai parti yang ingin menegakkan negara Islam. Penyertaan ini ditunjukkan melalui siri-siri PRU selepas PRU-7. Kawasan Parlimen majoriti Muslim yang lain dan telah ditandingi oleh PAS antara PRU-8 hingga PRU-13 meliputi kawasan Putatan dan Tuaran di bahagian pantai barat. Di bahagian pantai timur pula, kawasan Parlimen yang telah ditandingi meliputi Kalabakan, Tawau, Silam, Semporna dan Batu Sapi. PAS hampir menyertai setiap PRU yang diadakan kecuali pada PRU-11 yang diadakan pada tahun 2004 dan PRU-12 yang diadakan pada 2008. Perincian jumlah undi yang diperoleh adalah seperti dalam Jadual 2. Berdasarkan keputusan yang direkodkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ini, PAS akan menjadi kuat di Sabah apabila berpadu atau menyertai gabungan dengan parti-parti lain tetapi lemah apabila bersendirian. Peratusan undi yang diterima pada PRU-8 hingga PRU-10 adalah amat rendah kerana bergerak secara bersendirian tanpa menyertai apa-apa gabungan, menyebabkan ia hilang wang deposit. Berbeza dengan PRU-13 yang diadakan pada 2013, PAS mendapat jumlah undi agak memberangsangkan dari sudut peratusan undi kerana PAS pada ketika itu berada dalam gabungan Pakatan Rakyat (PR) bersama Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan *Democratic Action Party* (DAP). Peratus jumlah

undi yang diterima melebihi peratus melayakkan PAS mengulangi sejarah PRU-7, iaitu wang deposit yang dicagarkan mampu diraih semula walaupun mengalami kekalahan.

**Jadual 2** Parlimen PAS bertanding antara PRU-8 hingga PRU-13

PARLIMEN	PRU-8 JUMLAH %	PRU-9 JUMLAH %	PRU-10 JUMLAH %	PRU-11 JUMLAH %	PRU-12 JUMLAH %	PRU-13 JUMLAH %
KALABAKAN						8,904 24.6
TAWAU	426 1.9	825 2.4				
KOTA BELUD			1,515 5.3			
BATU SAPI						9,287 39.8
GAYA		729 2.7				

*Sumber* Diubah suai daripada IKSAS (2018) dan *Utusan Online* (2018)

Dalam konteks persaingan politik negeri Sabah, penubuhan serta penyertaan PAS sejak tahun 1986 disifatkan sebagai satu pertambahan sebuah parti politik yang berteraskan Islam, sekali gus diharapkan menjadi alternatif baharu bagi pengundi-pengundi beragama Islam di negeri ini. Hal ini demikian kerana kewibawaan parti-parti yang berorientasikan kepimpinan bumiputera Islam semakin merudum dari sudut prestasi dalam proses pilihan raya. Parti USNO dan Parti Berjaya umpamanya telah mengalami kekalahan pilihan raya DUN Sabah pada tahun 1985. Kekalahan ini amat memeranjatkan rakyat negeri Sabah khususnya yang beragama Islam. PBS yang baharu berusia 46 hari telah berjaya menumbangkan Parti Berjaya yang telah memerintah selama sembilan tahun. Pada bulan April 1986, pilihan raya DUN negeri Sabah diadakan sekali lagi kerana kedudukan politik yang kurang stabil, namun kedudukan USNO dan Berjaya semakin teruk dengan hanya mendapat 13 kerusi daripada 64 kerusi yang dipertandingkan. PBS pula semakin mengukuhkan pengaruhnya dengan mendapat 34 kerusi daripada 47 kerusi yang dipertandingkan. Keputusan kedua-dua pilihan raya DUN ini telah menunjukkan bahawa pengaruh perkauman dan keagamaan telah mencorakkan keputusan pilihan raya tersebut. PBS telah mendapat sokongan padu daripada komuniti KDM yang beragama Kristian serta kaum Cina di Sabah (Ismail, 2004: 119–120). Kelompongan ini telah menjadi salah satu faktor utama PAS merasa terpanggil dalam memikul tanggungjawab sebagai parti politik yang berteraskan dakwah Islam di negeri Sabah.

Di peringkat pilihan raya negeri (PRN) pula, PAS dilihat terlibat secara serius setelah lapan tahun melebarkan sayap ke Sabah. PRN tahun 1994 merupakan percubaan pertama untuk menghantar anak sulung ke DUN. Pada masa itu, PAS hanya menyasarkan kerusi di bahagian Tawau, merupakan kawasan yang terletak di selatan pantai timur Sabah. Tiga kerusi yang dipilih, iaitu N.43 Merotai, N.44 Sri Tanjong dan N.47 Balung. Percubaan PAS untuk menghantar anak sulung ke Dewan Undangan Negeri (DUN) menemui jalan buntu apabila kalah di ketiga-tiga kerusi tersebut. Bukan sahaja kala, malah jumlah undi yang agak kecil menyebabkan PAS kehilangan keseluruhan wang deposit seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Penyertaan pertama PAS Sabah dalam PRN 1994

CALON	PARTI	N.43 MEROTAI		N.44 SRI TANJONG		N.47 BALUNG	
		JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
ABDUL GHAPUR BIN HJ SALLEH	BN	9,515	72.7				
YEE LUNG FOOK GEOFFREY	BN			7,711	46.6		
ABDUL MANNAN BIN JAKASA	BN					7,370	57.2
MOHD SAINS BIN SENANG	PBS	3,362	25.7				
LIM YUN SANG @ MICHAEL LIM	PBS			8,637	52.2		
SARI SUHUT	PBS					5,312	41.2
HAMUD BIN SALLEH	BERSEKUTU	54	0.4				
LUNG WING SANG	BERSEKUTU					95	0.7
HJ ISMAIL BIN JUMA	BEBAS					35	0.3
MOHAMAD BIN TINGKA	PAS	164	1.3				
ARMANUS BIN ARSAD	PAS			197	1.2		
HJ AHMAD BIN HJ AWANG	PAS					79	0.6
MAJORITI		6,153	46.5	926	5.6	2,058	15.8
BILANGAN PENGUNDI YANG HADIR		13,231		16,666		13,016	
PERATUSAN PENGUNDIAN (%)		70.9		67.4		68.2	

*Sumber* Diubah suai daripada IKSAS (2018)

Walaupun kalah dalam percubaan pertama pada PRN 1994, PAS tidak pernah berputus asa kerana penglibatan dalam pilihan raya merupakan jihad yang wajib disertai. Oleh itu, PAS tidak pernah ponteng untuk memeriahkan arena demokrasi dalam siri-siri PRN 1999 hingga PRN 2013. Bilangan kerusi DUN yang telah disertai antara dua hingga sembilan kerusi seperti ditunjukkan dalam Jadual 4. PRN 2013 mencatatkan penyertaan tertinggi iaitu sebanyak sembilan kerusi, diikuti enam kerusi pada PRN 1999 dan PRN 2004. PRN 2008 menunjuk seolah-olah PAS kehilangan taring apabila hanya bertanding sebanyak dua kerusi sahaja iaitu N.48 Sukau dan N.58 Merotai dan tidak bertanding di peringkat Persekutuan kerana PAS tidak mempunyai calon yang berwibawa untuk diketengahkan ketika itu.

**Jadual 4** Kawasan DUN PAS bertanding antara PRN  
1999 hingga PRN 2013

DUN	PRN 1999		PRN 2004		PRN 2008		PRN 2013	
	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
PITAS							976	8.23
SEKONG	121	1.7						
SG SIBUGA			415	3.7				
SUKAU	126	1.9	1028	21.8	76	1.6	1432	18.3
LIKAS	200	1.2						
TANJUNG ARU							5409	31.7
TEMPASUK	239	2.4	426	4.0	4109	36.8	3285	23.1
USUKAN			413	3.8				
KUNAK							1002	11.0
MEROTAI	373	3.0	1039	13.2	931	10.6	3957	27.9
SEBATIK	293	3.2	452	7.8			1344	17.7
TANJONG BATU							3228	22.5
BUGAYA							702	5.86

*Sumber* Diubah suai daripada IKSAS (2018) dan Utusan Online (2018)

Berpandukan Jadual 4, terdapat tiga kawasan DUN yang kerap ditandingi saban PRN. Ia meliputi DUN Sukau, Tempasuk dan Merotai dan Sebatik. Apa yang diperhatikan ialah coraknya hampir sama dengan Parlimen, iaitu hanya apabila PAS berjaya berpaktat dengan rakan-rakan parti politik yang lain, barulah ada lonjakan undi yang diperoleh. Tanpa rakan gabungan, hampir semua kerusi berhadapan dengan kehilangan wang deposit. Cuma yang menarik ialah pada PRN 2004, terdapat dua DUN yang tidak hilang wang deposit walaupun tanpa pakatan. Ia dilihat sebagai faktor calon yang berkualiter. N.58 Merotai merupakan kawasan majoriti Muslim. Sebahagian pengundi merasa berang apabila BN meletakan calon Cina di kawasan Melayu. Oleh itu, para pengundi yang protes terhadap calon parti LDP, Liew Yun Fah telah memilih Usman Madeaming yang merupakan aktivis anak muda Melayu lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bagi N.48 Sukau pula, pertembungan satu lawan satu menyebabkan pengundi yang tidak berkenan dengan Aklee Abass telah memberi undi kepada calon PAS, Awang @ Pg. Roslan.

Selain itu, jika dilihat kes DUN N.6 Tempasuk, bertanding atas tiket PAS kurang mendapat sambutan kecuali dengan pakatan. Pada PRN 2008, Laiman Ikin @ Ag Laiman Kakimin yang merupakan ahli PAS telah

bertanding atas tiket PKR dan telah mendapat undi yang agak tinggi iaitu sekitar 36.8 peratus. Apabila bertanding atas tiket PAS dan berpaktat dalam PH, peratus undi dan jumlah undi turut merosot. Apabila Laiman Ikin@Ag Laiman Kakimin diletakkan sebagai calon PAS bagi Parliment Kota Belud pada PRU-14, jumlah undi yang diperoleh jauh lebih rendah berbanding undi DUN pada PRN 2008 dan PRN 2013. Perkara ini menggambarkan walaupun PAS telah lama bertapak di Kota Belud, namun program memasyarakatkan PAS masih gagal diketengahkan dan diterima oleh pengundi. PRN 2013 merupakan pilihan raya paling cemerlang sepanjang PAS terlibat dalam pilihan raya negeri. Hal ini demikian kerana daripada sembilan kerusi dipertandingkan, hanya tiga sahaja kerusi yang hilang wang deposit iaitu N.3 Pitas, N.51 Kunak dan N.54 Bugaya. Yang menarik pada PRN 2013, buat pertama kali PAS Sabah meletakkan dua calon wanita, iaitu Danseh Queck@Karman (N.3 Pitas) dan Fatmawati Mohd Yusuf (N.59 Tanjung Batu) sebagai strategi pilihan raya. Namun apa pun strategi yang digunakan, PAS masih gagal dalam misinya melahirkan anak sulung untuk dihantar ke DUN.

## PENGLIBATAN PAS DALAM PRU-14

Pada PRU-14 merupakan cabaran besar buat PAS Sabah apabila bertanding secara solo tanpa ada pakatan dengan parti-parti lain. Walaupun menghadapi cabaran yang besar, PAS telah meletakkan lapan calon kerusi Parliment dan 18 kerusi DUN. Bilangan ini merupakan jumlah terbesar yang pernah ditandingi oleh PAS sejak kewujudannya di pentas politik demokrasi di negeri Sabah. Walaupun PAS negeri Sabah banyak memberi penumpuan kepada kerusi-kerusi di kawasan majoriti pengundi Islam, tidak bermakna PAS menutup pintu terhadap penyertaan atau sokongan yang diberikan oleh pengundi bukan Islam. Malah, PAS bersikap dinamik dengan menubuhkan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) bagi membuka ruang kepada penyokong yang bukan Islam untuk mendekati PAS. Bahkan, PAS telah meletakkan calon bukan Islam untuk menjadi wakil kepada PAS. Hal ini jelas menunjukkan bahawa PAS merealisasikan pendekatan politik budaya matang dan sejahtera (BPMS) terhadap semua kaum dan agama serta tidak mengamalkan politik ekstrem dan sempit. Oleh hal yang demikian, pada PRU-14 yang lepas, PAS negeri Sabah telah berjaya meletakkan calon yang beragama Kristian iaitu Satail Majungkat yang mewakili kerusi DUN N.7 Kadamaian. Beliau merupakan Naib Ketua Dewan Himpunan Penyokong PAS (*Utusan Borneo*, 23 April 2018).

Meletakkan calon yang ramai merupakan strategi untuk meneruskan misi ‘anak sulung’ yang gagal dijelmakan pada PRN-PRN lepas. Hasrat untuk kemenangan sulung ini telah menjadi tumpuan utama PAS negeri Sabah sebagaimana yang dijelaskan oleh Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam majlis pengumuman calon-calon pilihan raya PAS Sabah PRU-14 di Kota Kinabalu (*Berita Harian*, 30 Oktober 2018). Namun, strategi bertanding di banyak tempat menunjukkan PAS yang diwakili oleh jentera pilihan raya Negeri gagal membaca kesediaan ahli-ahli di peringkat kawasan dan kemahuan pengundi. Tidak pasti secara tepat bilangan ahli tegar PAS Sabah. Bekas Timbalan Pesuruhjaya PAS, Saudara Hamzah Abdullah pernah menyatakan bahawa jumlah Ahli PAS kawasan sekitar 200–400 orang. Jika jumlah ini dijadikan sandaran, ahli-ahli PAS tidak mampu menumpukan kekuatan. Tenaga-tenaga ahli PAS terpaksa diagihkan menyebabkan banyak kerja pilihan raya tidak dapat dilaksanakan terutamanya penguasaan terhadap kempen melalui media sosial. Dalam keadaan anak muda ingin melakukan perubahan, maklumat daripada PAS tidak dapat dicapai selancar mungkin. Tidak seperti media sosial Pakatan Harapan (PH) yang dilihat mudah diperoleh. Akibatnya, maklumat daripada PH telah berjaya membentuk persepsi dalam minda anak-anak muda sehingga ke meja SPR pada hari mengundi. Situasi inilah yang menyebabkan kenapa PAS Sabah yang bertanding lapan kerusi Parlimen dan 18 kerusi DUN mengalami kekalahan teruk.



**Rajah 1 Majlis pengumuman calon PAS Sabah PRU-14 oleh Presiden PAS**  
*Sumber Kajian lapangan penyelidik, Tuaran, 22 April 2018*




**Rajah 2** Ucapan pengenalan diri Satail Majungkat, calon bukan Islam PAS Sabah  
*Sumber Kajian lapangan penyelidik, Tuaran, 22 April 2018*




**Rajah 3** Proses penamaan calon PAS Sabah PRU-14, Dewan Masyarakat Sulaman, Taman Kingfisher, Kota Kinabalu  
*Sumber Kajian lapangan penyelidik, 28 April 2018*

Berpandukan kepada Rajah 1, terdapat tiga Parlimen dan lima DUN sahaja yang melebihi jumlah undi purata keseluruhan. Hal ini menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada perbezaan pola pengundian terhadap PAS. Faktor sejarah penglibatan PAS dalam siri-siri pilihan raya, terutama di bahagian pantai timur dilihat menyumbang kepada sambutan yang agak baik. Sebagai contohnya Parlimen Kalabakan dan Tawau serta DUN Merotai dan Tanjung Batu. Walaupun peratus jumlah undi yang diterima dibawa paras 11.5 peratus tetapi jumlah undi yang diterima melebihi 1,000. Jumlah ini menggambarkan PAS berjaya sedikit demi sedikit memasyarakatkan dirinya di tengah masyarakat Muslim pantai timur. Di samping itu, faktor bandar dan separa bandar juga dilihat sebagai penyumbang kepada sambutan yang menggalakkan kerana capaian media sosial yang agak baik membolehkan masyarakat mendapat maklumat alternatif. Sebagai contohnya, DUN Karambunai dan Parlimen Putatan yang julung kalinya hadir dalam pentas politik pilihan raya telah berjaya meraih undi yang membanggakan. Calon PAS di DUN Karambunai telah berjaya meraih 1,696 undi bersamaan 6.4 peratus daripada keseluruhan undi. Begitu juga dengan Parlimen Putatan yang mempertaruhkan Ketua Pemuda PAS Sabah telah berjaya meraih undi sebanyak 2,434 undi, iaitu bersamaan 7.7 peratus daripada keseluruhan jumlah pengundi yang hadir. Begitu juga dengan Parlimen Tawau, di samping pengalamannya bertanding pada tahun PRU-8 dan PRU-9, kedudukannya dalam radius urban itu membantu ia meningkatkan undi berbanding PRU-PRU lepas. Pada PRU-14, calon PAS telah meraih sebanyak 2,518 undi (5.76 peratus), iaitu jumlah undi telah meningkat sebanyak 1,693 berbanding PRU-9.



**Rajah 4** Jumlah dan peratus undi Parlimen yang diperoleh PAS dalam PRU-14  
Sumber Ubah suai daripada *Utusan Online* (2018)



**Rajah 5** Jumlah dan peratus undi DUN yang diperoleh PAS dalam PRU-14  
Sumber Ubah suai daripada *Utusan Online* (2018)

Kegagalan PAS ini menimbulkan pelbagai pandangan terhadap prestasi parti yang berteraskan Islam tersebut. Pandangan tersebut berkisar bersabit dengan kerelevan PAS di Sabah, penerimaan masyarakat Sabah, imej dan

pendekatan PAS khususnya di Sabah, teknik kempen, cabaran yang dihadapi dan sebagainya. Jadual 2 dan 3 menunjukkan penglibatan PAS negeri Sabah dalam pilihan raya yang membabitkan calon Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) sejak tahun 1986 hingga 2018.

## **KEMPEN PRU-14 PAS SABAH**

PAS Sabah menggunakan pendekatan kempen yang serupa dilakukan oleh PAS Pusat terutama dari segi gerak kerja dan kandungan mesej manifesto. Hebahan bahan kempen, kaedah menyampaikan ceramah, urus tadbir pelaksana kempen dan media portal adalah seragam di semua peringkat baik nasional, negeri maupun kawasan mengundi masing-masing. Persepakatan dalam melaksanakan gerak kerja yang seragam dan tersusun ini sememangnya telah diamalkan sejak dahulu lagi dan sebagai parti politik yang sudah melalui semua pilihan raya umum sejak merdeka lagi, PAS dilihat sebagai sebuah parti yang berpengalaman luas dan siap siaga dalam menghadapi pilihan raya. Sistem *authority* dan pembuat keputusan yang memusat kepada Dewan Ulama kemudian diterjemahkan oleh sayap Pemuda dan Briged Muslimat PAS dilihat begitu berkesan dalam menjana sekali gus menggerakkan apa-apa aktiviti kempen di semua peringkat di seluruh negara (Muller & Kerstin, 2018). Kempen politik secara tradisional atau konvensional sememangnya masih relevan dengan khalayak yang disasarkan menjadi prospek pengundi di satu-satu kawasan yang dipertandingkan. Penggunaan kain rentang, *bunting*, poster, papan iklan pelbagai saiz dan edaran *pamphlet* mengandungi manifesto parti adalah lumrah diperaktikkan di negara ini.

### **Inti Pati Kempen PAS**

Sebagai parti yang berideologi Islam, PAS dibezakan dengan parti-parti lain di Malaysia ini atas dasar ideologi yang menyasarkan Islam sebagai matlamat akhir perjuangan mereka (Muhammad Faiz & Wan Fariza, 2015). Menurut Kamarudin (2010), mana-mana tindakan dijustifikasi oleh doktrin Islam dan juga respons terhadap perubahan politik mestilah dikaji dan dilihat dari sudut pandang politik Islam. Penerimaan atau bangkangan menyentuh tawar-menawar politik hendaklah berdasarkan pertimbangan, sama ada selaras dengan prinsip-prinsip dan doktrin Islam serta mempunyai keuntungan politik

kepada Islam. Manifesto calon-calon PAS Sabah juga hakikatnya menyentuh soal isu setempat yang menjadi persoalan untuk pihak yang bertanding menjawab, sekali gus menanganinya. Sebagai contoh, manifesto yang dibawa oleh calon PAS Kudat meletakkan sembilan teras utama dalam manifesto PAS untuk daerah Kudat iaitu Ekonomi, Pendidikan, Belia, Hapuskan GST, Peluang Pekerjaan Tanah adat dan Tanah persisiran Pantai, Pembangunan Luar Bandar, Hapuskan Hutang PTPTN, Isu enjin bot dan taman-taman Sabah.

### **Strategi dan Taktik: Paparan Kekuatan dan Pengaruh Setempat**

Strategi dan taktik penyokong-penyokong PAS Sabah adalah serupa dengan apa yang dipaparkan dalam gerak kerja kempen di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Kehadiran orang ramai di satu-satu tempat boleh menjadi faktor penarik kepada bentuk kekuatan yang dibina oleh akar umbi di satu-satu kawasan mengundi. “Gelombang Hijau 5.0” disepadukan dengan aspek kebaikan menerusi „*walkabout*’ ke pelosok desa dan kawasan perumahan serta perbandaran, khusus untuk menarik perhatian pengundi agar menyokong PAS. Ia dilakukan secara sistematik dan berterusan untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan penduduk di satu-satu tempat bahawa PAS berada di situ dan memerlukan sokongan daripada akar umbi. Demikianlah juga dengan isi kandungan ceramah di semua tempat akan dimulakan dengan doa, selawat dan diakhiri dengan tasbih kifarah sebagai identiti ceramah yang berteraskan Islam dan mengajak kepada kebaikan. Syarahan pula lazimnya dilakukan di dewan orang ramai, surau dan juga pekarangan rumah penduduk yang mengizinkan kawasan rumahnya dijadikan sebagai tapak “Ceramah Kelompok.” Ceramah secara struktural dan terancang sebegini penting untuk menonjolkan personaliti calon yang bertanding, di samping menyampaikan mesej berkaitan dengan manifesto PAS itu sendiri.

Justeru, kedua-dua komponen strategi dan taktik kempen PAS Sabah saling melengkapi antara satu sama lain yang memfokuskan ke arah penerapan ideologi Islam sebagai cara hidup dan Islam sebagai landasan berpolitik. Aspek ideologi berperanan sebagai elemen pembimbing sesama peserta wacana untuk mengembangkan fahaman politik masing-masing. Ideologi politik pro-pemerintah dan pro-pembangkang di negara ini sering kali menjadi asas kepada percakapan dan penulisan seseorang. Rakyat negara ini

memberikan pandangan berlandaskan kepercayaan politik masing-masing. Peserta wacana menzahirkan persepsi mereka terhadap kerajaan melalui pendapat mereka terhadap isu yang dibahaskan di laman sosial. Namun, untuk kes ‘group page’ Islamik laman blog, tiada penghasilan pendapat yang bertunjangkan fahaman politik yang dapat dikaitkan dengan bahan berteraskan Islamik (Syahruddin & Mohd. Shaukhi, 2016).

PAS Sabah memanfaatkan ceramah-ceramah kelompok di satu-satu tempat khusus untuk menjawab apa-apa persoalan dan pertuduhan dari parti lawan. Ia dilakukan atas semangat dan kefahaman terhadap aspek pro- dan kontra- dalam penghujahan isu serta persekitaran ideologi demokrasi itu sendiri berlaku secara progresif di mana PAS Sabah menerusi calon-calon yang bertanding berusaha mengungkapkan jawapan yang jitu untuk menjawab semua tohmahan dan pertuduhan parti lawan atas dasar kemanusiaan.

## **Media dan Persepsi Masyarakat**

Media massa memainkan peranan yang besar dalam membantu pelaksana kempen pilihan raya. *Page* atau laman Facebook PAS Sabah begitu berperanan dalam memastikan tumpuan para penyokong di peringkat akar umbi memahami matlamat parti berkenaan dalam PRU-14 ini. Beberapa *hashtag* diketengahkan sebagai teras mesej perjuangan parti demi mencapai kemenangan menerusi peletakan lebih ramai calon di seluruh negeri berbanding PRU-13 lima tahun lepas. Antara beberapa *hashtag* yang dikemukakan sebagai ‘*tagline*’ PAS Bahagian secara khusus dan Negeri Sabah secara umum termasuklah, #YaAllahMenangkanlahPAS, #BatuSapiSejahtera, #SabahSejahtera dan #MalaysiaSejahtera.

Sebilangan tohmahan terhadap PAS oleh parti lawan sudah berlarutan sekian lama seperti yang dirumuskan oleh Muhammad Faiz dan Wan Fariza (2015) merangkumi kesibukan kerja politik, sifat oportunistis politik, dan pemikiran politik kepartian membuatkan PAS terlepas pandang soal yang lebih utama dan luar dari kerangka politik, iaitu pembangunan bangsa dan umat yang bermaruah. Penyertaan PAS dalam politik seharusnya menyelesaikan masalah umat yang sering ditohmah, dihina dan dilabel mulai dari “pribumi malas” sehingga “Melayu mudah lupa” yang menggambarkan kelemahan

umat Islam di Malaysia. Kesemua dakwaan yang agak dangkal ini cuba ditepis menggunakan pendekatan *hashtag* di laman sosial khusus untuk mendeskripsikan keadaan sebenar PAS dalam perjuangan mereka bagi PRU-14. PAS Sabah secara khusus turut mengambil inisiatif yang tepat untuk menidakkan kenyataan Muhammad Faiz dan Wan Fariza dengan mengetengahkan bahan poster yang menjawab sebarang tuduhan atau dakwaan oleh pihak parti lawan dan masyarakat secara umum.

The image shows three posters from PAS Sabah's campaign. Each poster has a blue header with white text asking a question. Below each question is a blue box containing a numbered answer. The answers are in white text. The posters are set against a background of red and yellow stars, with a wooden gavel icon at the bottom right of each poster. The posters are arranged horizontally.

**FAQ**  
Adakah PAS menunggang Agama?

**1** Adakah PAS memperjuangkan agama untuk mencapai cita-cita politik?

Tidak. Penunggang agama yang sebenar adalah mereka yang menggunakan agama pada waktunya tertentu dan kepada orang tertentu. Sebaliknya, PAS berusaha menjadikan agama sebagai panduan dalam berpolitik kerana Islam sekali tidak memisahkan sistem politik daripada agama.

PAS menentang fahaman sekularisme yang mengamalkan politik suku, agama suku. Hakikatnya mereka yang memudah PAS sedemikian itu yang mengejaskan agama dalam politik mereka.

**2** Mengapa PAS dituduh sebagai penunggang agama?

Mereka cuba memersonakan konotasi PAS penunggang agama dengan memberi maksud PAS menggunakan duli agama untuk mencapai cita-cita politik dan seterusnya mendapatkan sokongan rakyat Muslim. Politik PAS mengambil kesempatan ini mendakwa PAS mempergunakan Islam (agama) untuk mendapatkan sokongan politik.

**FAQ**  
Adakah PAS menunggang Agama?

**3** Adakah PAS itu agama Islam?

Tidak. Ini tuduhan bagi mengelirukan orang awam. PAS tidak pernah menyatakan sebuah agama kerana PAS tidaklah parti politik yang bertujuan mengajak seluruh umat Islam untuk kembali kepada Islam sebagai cara hidup (Ad-Deen) yang direbut Allah.

Berbeza dengan parti lain, hanya PAS sahaja yang dengan jelas dan berani meletakkan Islam sebagai dasar perjuangan segeriman termaktub dalam Perlembagaan PAS.

**4** Adakah PAS hanya untuk orang Islam sahaja?

PAS untuk semua. PAS sejak dahulu lagi konsisten membawa pendekatan terbuka kepada semua bangsa dan agama. PAS mempunyai Dewan Himpunan Penyayang PAS (DHPP) yang terdiri daripada bukan Muslim. Bahkan terdapat seorang M orang ahli DHPP berandingan merwakili PAS pada PRU 14 ini.

**FAQ**  
Adakah PAS menunggang Agama?

**5** Adakah hukum semata-mata agenda PAS?

Matlazat PAS adalah menegakkan Islam sebagai dasar dan panduan dalam sistem pemerintahan negara. PAS bukanlah parti bernama Islam. Hukum relief mencatatan PAS memperjuangkan pelbagai isu dalam parliment seperti isu IMDR, hapusan GST, banbah TPPA, banteras rasuah, isu-isu pendidikan dan banyak lagi.

**6** Adakah PAS mengikfirkan parti lain?

PAS tidak pernah mengikfirkan mana-mana parti lain. Bahkan PAS sendiri menyeru semua parti lain untuk berpolitik dengan cara Islam yang sebenar dan tidak bersifat ekstrem.

**RAKYAT CINTAKAN KEBENARAN**

Kenyataan oleh pucuk pimpinan PAS Sabah pula turut diketengahkan sebagai aku janji dan petunjuk bahawa perjuangan PAS di negeri ini tidak seperti yang diperkatakan dalam mana-mana forum atau ceramah parti lawan. Sebagai contoh, kenyataan oleh pemimpin tertinggi PAS Sabah sendiri yang begitu sesuai diungkapkan terutama dalam suasana dan persekitaran negeri yang berbilang kaum dan agama ini. Malahan, dalam proses kempen, ia dengan jelas menyebut isu ini.

### **Non-Muslim Yakin Keadilan Pas**

1. Masyarakat bukan Islam di Malaysia, termasuklah di Sabah semakin yakin dengan keadilan dan kebajikan yang dibawa oleh PAS.
2. Dalam konteks Sabah, ia terbukti apabila seorang calon bukan Islam, iaitu Saudara Satal Majungkat menjadi calon bagi Dewan Undangan Negeri Kadamaian.

3. PAS merupakan sebuah parti yang berlaku adil untuk semua. Penubuhan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) membuktikan bahawa masyarakat bukan Islam yakin akan perjuangan PAS.
4. Walaupun ada pihak-pihak tertentu yang cuba memainkan sentimen negatif, seperti mengatakan PAS sudah menggadaikan prinsip Islam dengan bekerjasama dengan bukan Islam atau ada juga yang mengatakan PAS cuba menarik orang bukan Islam untuk masuk Islam, tetapi semua itu tidak berasas.
5. PAS berjuang dengan ikhlas membawa keadilan dan kebajikan untuk semua. PAS tidak akan memaksa sesiapa pun untuk masuk Islam kerana bercanggah dengan ajaran Islam.
6. PAS Sabah yakin bahawa masyarakat Sabah perlu pembelaan yang adil tidak kira bangsa dan agama. Islam mengajar supaya pemimpin mesti berlaku adil untuk semua.
7. Seperti mana negeri yang PAS perintah sekarang iaitu Kelantan dan negeri-negeri lain yang pernah dipimpin oleh PAS, iaitu Kedah, Perak dan Terengganu, tidak ada sebarang penindasan terhadap masyarakat bukan Islam.
8. PAS Sabah menyeru supaya masyarakat Sabah menerima dan memberi sokongan kepada PAS kerana PAS satu-satunya parti yang bersih daripada penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Dari sudut konseptual, istilah persepsi muncul daripada perkataan Latin, iaitu *percipio* yang bermaksud, menerima, mengumpul, tindakan mengambil dan memiliki dalam fikiran dan deria. Justeru, aspek asas dalam persepsi masyarakat berbilang kaum dan agama di negeri ini mencakupi soal penerimaan atau pengumpulan mesej yang disasarkan untuk dijayakan menerusi gerak kerja kempen pilihan raya adalah keutamaan bagi pelaksanaan kempen PRU-14 di negeri ini. Kenyataan pucuk pimpinan PAS Sabah tentang keyakinan kelompok bukan Islam di negeri ini terhadap perjuangan dan pembelaan PAS terhadap golongan berkenaan hakikatnya telah memenuhi ciri toleran, kesederhanaan dan aspek rangkuman tanggungjawab. Malahan, Lokman (2013) menghujahkan bahawa perjuangan politik yang berteraskan agama Islam di negara ini sejajar dengan keperluan masyarakat majmuk yang mempunyai kepentingan masing-masing terutama dalam perkara berkaitan dengan agama.

Janji-janji politik atau manifesto serta gabungan atau ikatan yang dibentuk antara parti-parti yang bertanding untuk membentuk satu pakatan bagi menyaingi parti lawan adalah antara usaha PAS Sabah untuk membentuk persepsi, sekali gus menimbulkan keyakinan bahawa PAS Sabah layak dan berpotensi menerajui kerajaan dalam PRU-14 ini. Hal yang demikian sejajar dengan kenyataan Tubbs dan Moss (2008) bahawa;

*Perception is an active process as one selectively perceives, organizes and interprets what one experiences. Interpretations are based on the perceivers past experiences, assumptions about human behavior, knowledge of the others circumstances, present moods / wants / desires and expectations.*

(Tubbs & Moss, 2008: 38)

Aspek persepsi yang selektif terhadap landasan perjuangan, matlamat perjuangan serta kesepadan dalam gabungan PAS Pusat diterjemahkan dengan padu menerusi Gagasan Sejahtera (GAGASAN). Gabungan parti-parti politik ini pada mulanya dikenali sebagai *Blok Kuasa Ketiga* pada 16 Mac 2016. Komponen GAGASAN ini terdiri daripada PAS sendiri dan Parti Ikatan Bangsa Malaysia (IKATAN) dan pada 13 Ogos 2016, pakatan politik tersebut diumumkan secara rasminya dikenali sebagai Gagasan Sejahtera. Selain daripada PAS dan IKATAN, Gagasan Sejahtera juga dianggotai oleh parti-parti politik lain iaitu Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA), pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan antaranya 200 NGO di bawah Kongres Rakyat, dan individu perseorangan seperti mantan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Inisiatif untuk mewujudkan persefahaman politik (*political understanding*) ini hakikatnya telah memunculkan persepsi selektif terhadap nadi perjuangan yang berteraskan agama Islam sebagai wadah perjuangan parti PAS itu sendiri yang didukung bersama oleh parti-parti lain. Situasi ini serupa pada PRU-13 apabila PAS juga bersetuju bergabung bersama dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Sosialis Rakyat Malaysia dan DAP melalui Pakatan Harapan.

## **Golongan Muda sebagai Penggerak Kempren PAS Sabah**

Pembabitan golongan belia menerusi sayap Pemuda PAS dan Briged Muslimat PAS adalah penting dalam memperlihatkan bentuk dan pola sokongan golongan muda terhadap parti ini. Golongan ini mempamerkan tahap sokongan penuh dan tidak berbelah bahagi, baik dalam membantu kerja-kerja mempersiapkan parti untuk hari penamaan calon, ceramah kelompok, bantuan dari rumah ke rumah, memeriahkan komentar di *page Facebook* sehingga ke hari pengundian. Kesedaran dalam kalangan belia Sabah yang mahukan Islam menjadi landasan kehidupan dan pentadbiran kerajaan negeri adalah jelas. Aspirasi ini diterjemahkan menerusi nilai kerjasama yang dipupuk melalui perhimpunan di peringkat akar umbi dan penglibatan anak muda dalam aktiviti-aktiviti di kampung, kawasan perumahan dan masjid. Dua aspek penting yang begitu ketara menonjol dalam gerak kerja golongan muda dalam PRU-14 kali ini adalah i) kesepaduan tindakan dalam kumpulan belia yang begitu besar dari segi bilangan, dan; ii) keterbukaan dan kesederhanaan dalam usaha menarik perhatian pengundi agar bersama dengan PAS.

Dalam konteks kesepaduan gerak kerja PAS Sabah, Mueller (2014) menyatakan bahawa komposisi umur dalam kalangan pelaksana kempren politik PAS memberi kesan ke atas kumpulan-kumpulan pengundi dalam kalangan pengundi baharu, pengundi atas pagar dan individu yang bersimpati ke atas perjuangan PAS. Gerak kerja kempren PAS yang sederhana tetapi konsisten dari segi mesej dan tujuannya secara am juga membantu meningkatkan kesedaran dalam kalangan golongan belia yang mempunyai keinginan untuk menghidupkan suasana kehidupan beragama yang total di negara ini. Malah, Ahmad (2009) menyatakan bahawa keterbukaan PAS dalam politik nasional dan akar umbi sudah bermula seawal PRU-12 lagi, khusus untuk parti tersebut menyesuaikan dirinya dalam arus politik dan struktur masyarakat Malaysia pasca milenia. Tindakan PAS yang begitu peka terhadap kehendak akar umbi ini serba sedikit memberi momentum yang baik terhadap perjuangan PAS secara menyeluruh.

## **KESIMPULAN**

Penyertaan PAS Negeri Sabah dan proses demokrasi pilihan raya PRU dan PRN merupakan amanah dan tanggungjawab yang harus dipikul bagi memenuhi kelompongan aspek Islam dalam konteks negeri Sabah sama ada dari sudut politik, sosial, ekonomi dan lain-lain. Penglibatan PAS ini telah bermula semenjak tahun PRU7 pada tahun 1986 dan berlangsung sehingga PRU-14 yang berlangsung 2018. Melihat kepada pola pengundian pada setiap PRU dan PRN yang berlangsung, PAS Sabah mengalami turun naik jumlah pengundi mengikut keadaan dan situasi yang berlaku, sama ada yang berlaku di peringkat nasional dan tempatan di negeri Sabah. Ia juga berkait rapat dengan pendekatan siasah yang telah diambil oleh parti tersebut. Penggunaan strategi dan taktik Ceramah Kelompok, Gelombang Hijau dan paparan kempen secara maya di laman sosial begitu signifikan dalam memperlihatkan keberadaan PAS Sabah dalam landskap politik negeri di bawah bayu ini. Walau bagaimanapun, gerak kerja yang lebih bersifat ‘sentuhan’ ke atas elemen sosioekonomi, isu setempat dan penguasaan minda para akar umbi untuk memahami konsep “Islam untuk semua” dan “membangun bersama Islam” itu belum boleh ditanggapi dan difahami oleh hampir segenap lapisan masyarakat di negeri ini.

Jika dilihat dari segi penerimaan masyarakat Islam sendiri terhadap konsep agama Islam sebagai syumul dan kamil itu masih berada pada tahap nilai atas kertas semata-mata dan bukannya praktis dalam perjuangan yang realistik dalam konteks Sabah dan rakyatnya. Jika ia wujud sekalipun, hanya golongan muda yang terpelajar dan cakna kepada isu-isu pembangunan dan Islam yang majoriti terdiri dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi serta pelajar-pelajar di peringkat kolej di sekitar negeri ini sahaja. Hanya kelompok pemimpin pelapis PAS Sabah ini sahaja yang dapat menyelami bagaimana aspirasi gagasan sejahtera itu boleh dibina dengan orientasi Islam yang diperjuangkan oleh PAS secara umum. Golongan warga tua, pesara kerajaan, penduduk di bandar-bandar di seluruh negeri Sabah, malah golongan pengundi atas pagar sekalipun sebenarnya masih belum merasai dan menyedari kewujudan aura perjuangan yang cuba disampaikan oleh calon-calon serta penyokong PAS Sabah dalam PRU-14 yang lalu. Justeru, apa yang perlu dilakukan oleh PAS Sabah di semua peringkat pimpinan dan

akar umbi adalah untuk mengetengahkan idea baharu bagaimana Islam boleh diterjemahkan sebagai wadah untuk menyelesaikan isu warga negeri Sabah secara komprehensif. Untuk itu, beberapa pendekatan boleh dicuba seperti memperkenalkan model perniagaan dan ekonomi Islam yang bercirikan masyarakat Sabah dan untuk orang Sabah yang *heterogeneous* dari sudut etnik dan kepercayaan serta anutan agamanya. Seterusnya, PAS Sabah perlu berusaha mengaplikasikan inisiatif membujuk hati dan fikiran masyarakat Sabah yang rata-rata mengharapkan bantuan kewangan khusus untuk membina ekonomi sara diri yang praktikal dalam konteks negeri ini.

Sebagai gabungan parti siasah dan sebuah gerakan Islam (*harakah Islamiah*), sudah tentulah terdapat perbezaan yang ketara di antara PAS jika dibandingkan dengan parti -parti yang lain di Malaysia, sama ada dari sudut tujuan penubuhan, pendekatan serta aspek kepimpinan. Dalam penglibatan secara langsung bagi proses pilihan raya di Malaysia, PAS secara realitinya bersaing dengan parti-parti politik lain yang kelihatan lebih bersifat pragmatis yang sentiasa ingin melemahkan pesaing masing-masing dengan pelbagai pendekatan. Dalam setiap PRU dan PRN, serangan musuh-musuh politik PAS dari setiap arah akan ditujukan kepada parti tersebut dan secara langsung akan membentuk persepsi masyarakat umum kepada PAS. Inilah cabaran yang terbesar bagi PAS (pusat dan negeri Sabah) dalam merangka satu pendekatan dan strategi bagi menangkis pandangan yang melemahkannya, sekali gus akan memaparkan imej yang baik terhadap PAS. Sebagai sebuah gerakan dakwah, PAS wajib bergerak dengan acuan akhlak Islamiah berdasarkan wahyu al- Quran dan Sunnah. Oleh hal yang demikian, PAS Sabah perlu lebih bijak dalam menghadapi cabaran yang mendatang. Dalam PRU-14 (dan PRU dan PRN sebelumnya), PAS Sabah masih lagi gagal melahirkan ‘anak sulung’ yang sentiasa dinanti-nantikan sebagai sumber inspirasi kepada kejayaan seterusnya. Keputusan PRU-14 telah menunjukkan bahawa strategi dan pendekatan gerak kerja PAS (siasah, dakwah dan tarbiah) harus dikemas kini selaras dengan konteks masa, tempat, latar masyarakat dan kedinamikan cabaran yang sentiasa berubah. Namun, sebagai satu gerakan dakwah, kegagalan dalam setiap pilihan raya (terutama dalam PRU-14 yang disifatkan sebagai “ibu segala pilihan raya”) bukanlah titik penamat kepada perjuangan PAS. Usaha dakwah dan tarbiah dalam menjadikan Islam sebagai cara hidup bermasyarakat harus berlangsung dan tidak ada titik penamatnya.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Chik. (2010). *Menegakkan perjuangan: Memenangi pilihanraya menerusi persiapan Tarbiyyah*. Dungun: Mampu Kurnia.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2009). The new challenges of political Islam in Malaysia. Dibentangkan di *Asia Research Centre Conference on 'New Modes of Governance and Security Challenges in The Asia-Pacific'*, Murdoch University, Perth, 12 – 13 February.
- Badan Perhubungan PAS Negeri Sabah. (2018). *Sejarah penubuhan PAS Sabah*. Atas talian <https://pasabah.wordpress.com/about/> pada 23 Jun.
- Badlihisham Mohd Nasir & Othman Talib. (2003). Tasawwuf dalam gerakan dakwah tanah air. *Jurnal Usuluddin*, 18, 1–24.
- Badlihisham Mohd Nasir. (2000). Dakwah gerakan Islam tanah air: Sorotan terhadap PAS, ABIM dan JIM. Dlm. *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian. (2018). PAS Sabah bertanding lapan kerusi Parlimen, 18 DUN.
- Hassan Shukri. (2002). *Ke arah memahami dasar dan pegangan PAS*. Rantau Panjang: Badan Perhubungan PAS Negeri Selangor.
- IKSAS. (2018). Pas & Sejarah pilihanraya Sabah: 1986 – 2008. Dibentangkan dalam Majlis Penerangan Jentera Penerangan PAS Kawasan. Pejabat Badan Perhubungan PAS Sabah, Kota Kinabalu. 18 Februari.
- Isa Ansory. (1989). *Kewajipan umat Islam dalam pilihanraya*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Ismail Yusoff. (2004). *Politik dan agama di Sabah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin Salleh. (2010). *Modenisme dalam Politik Islam: Sifat, perkembangan dan impaknya di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lukman Thaib. (2013). Muslim politics in Malaysia and the democratization process. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 45–57.
- Mueller, M.D. (2014). Islam, politics and youth in Malaysia: The pop-Islamist reinvention of trans-disciplinary perspectives. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(1), 3–26.
- Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. (2015). Pasca- Islamisme dalam PAS: Analisis terhadap kesan Tahalluf Siyasi. *International Journal of Islamic Thought*, 8, 52 – 60.
- Muller, D. M., & Kerstin, S. (2018). *The bureaucratisation of Islam in Southeast Asia*. New York: Routledge.
- PAS. (2012). *Perlembagaan PAS (Pindaan 2011)*. Batu Caves: Pejabat Agung PAS.
- Syahruddin Awg. Ahmad & Mohd. Shaukhi Mohd. Radzi. (2016). Dakwah di internet:

Aplikasi model tetingkap Ekni (TtEKNI) ke atas wacana mesej dakwah di „group page“ Islamik Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas (Konvokesyen ke-18 UMS)*, 45–63.

Tubbs, S. & Moss, S. (2008). *Human communication: Principles and contexts*. New York: McGraw Hill.

*Utusan Borneo*. (2018). PAS Tampil calon bukan Islam di Sabah. 22 April.

*Utusan Online*. (2018). Peta Kawasan Pilihan Raya Negeri Sabah 2018. 15 September.

